

ARTIKEL SURATKHABAR

Nama Suratkhobar : Kosmo

Tarikh : Ahad, 5 Januari 2014

Mukasurat : 4

Lebih 50,000 meriahkan pelancaran TMM 2014

Oleh LILY YEAN
lily.yean@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Lebih 50,000 pengunjung menghadiri majlis pelancaran gilang-gemilang Tahun Melawat Malaysia (TMM) 2014 yang berlangsung di Dataran Merdeka di sini malam tadi.

Majlis tersebut disempurnakan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Turut hadir Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz.

Menurut Muhyiddin, kempen Tahun Melawat Malaysia 2014 bukan sahaja memberi kenangan dan pengalaman indah, tetapi juga dapat mengeratkan ikatan persahabatan antara satu sama lain.

Menurutnya, TMM 2014 bertujuan merealisasikan sasaran kerajaan untuk menerima kunjungan seramai 38 juta pelancong dengan jumlah pendapatan pelancong bernilai RM168 bilion pada tahun 2020.

"Ini sejajar dengan sasaran yang digariskan dalam Pelan Transformasi Pelancongan Malaysia 2020 yang merupakan sebahagian daripada Bidang Ekonomi Utama Negara," katanya ketika berucap memulakan TMM 2014 di dataran itu.

Bersempena TMM 2014, kerajaan menyasarkan ke-



tibaan 28 juta pelancong dengan jumlah pendapatan pelancongan sebanyak RM76 bilion.

Monyet proboscis atau monyet Belanda yang hidup di hutan negeri Sabah telah dipilih sebagai mascot rasmi TMM 2014.

Dalam pada itu, Mohamed Nazri berkata, adalah menjadi tanggungjawab rakyat Malaysia untuk memastikan setiap pengunjung dilayan dengan penuh hormat dan berbudi bahasa.



Monyet proboscis



MUHYIDDIN (tengah) merasmikan TMM 2014 sambil disaksikan Mohamed Nazri di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur malam tadi.



PERSEMBAHAN tarian tradisional diserikan dengan percikan bunga api pada majlis perasmian TMM 2014.